

BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1 Apakah yang dimaksudkan dengan nasionalisme?

ms:
22 -
23

- A Perasaan cinta terhadap bangsa dan negara
- B Perasaan cinta yang mendalam terhadap penjajah
- C Perjuangan membina sebuah empayar
- D Mendapatkan kebebasan politik

2

ms:
24 -
25

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Amerika (1776)
- Revolusi Perancis (1789)

Apakah persamaan dalam perjuangan ketiga-tiga revolusi di atas?

- A Memperjuangkan kedaulatan negara
- B Menentang penindasan oleh penjajah
- C Menentang hak dan kuasa mutlak raja
- D Memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat

3 Dahagi India 1857 merupakan titik tolak kepada perkembangan nasionalisme di India. Apakah tumpuan awal gerakan ini?

ms:
26

- A Membentuk jawatankuasa khas kemerdekaan India
- B Memberikan perhatian terhadap isu sosioagama
- C Mewujudkan perjuangan bersifat radikal
- D Menggiatkan rasa cinta kepada Barat

4 Nasionalisme peringkat awal di Filipina adalah berbentuk Gerakan Propaganda yang dipimpin oleh Jose Rizal. Nyatakan tuntutan gerakan ini.

ms:
28

- A Filipina sebahagian wilayah Sepanyol
- B Menuntut perubahan politik di Filipina
- C Menuntut kemerdekaan Filipina
- D Hak sama rata pelbagai kaum

5

ms:
34

Gerakan Islah menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan berpandukan al-Quran dan Hadis.

Siapakah pemimpin gerakan ini?

- A Harun Aminurrashid
- B Syed Sheikh al-Hadi
- C Sayyid Jamal al-Din al-Afghani
- D Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

6

ms:
35

Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) merupakan antara institusi pendidikan yang menyemarakkan nasionalisme menentang penjajah. Bagaimanakah institusi pendidikan ini berfungsi menyemarakkan nasionalisme?

- A Mewujudkan sistem pendidikan madrasah
- B Mendedahkan pelajar dengan pemodenan Islam
- C Menerima kunjungan ulama dari Sumatera Barat
- D Melahirkan golongan yang memimpin rakyat

7

ms:
36

Perkembangan nasionalisme di negara kita boleh dilihat melalui penulisan oleh golongan intelektual berpendidikan agama. Nyatakan akhbar dan majalah yang menyalurkan idea kesedaran nasionalisme golongan intelektual ini.

- A *Al-Imam*
- B *Al-Ikhsan*
- C *Warta Malaya*
- D *Utusan Melayu*

8

ms:
39

Penulisan novel berjaya meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk di negara kita. Apakah faktor yang mendorong kejayaan ini?

- A Penulisan bertemakan antiimperialisme
- B Penulisan bertemakan kemajuan ekonomi
- C Penulisan bertemakan semangat cinta negara
- D Penulisan bertemakan semangat memperjuangkan nasib

- 9 Perkembangan nasionalisme di negara kita juga dibantu dengan perjuangan Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Apakah kesan kejayaan KMS?
ms:
40
- A Memperjuangkan kepentingan politik orang Melayu
 - B Mendorong kemajuan pentadbiran negara
 - C Mendorong peningkatan pelajaran teknik
 - D Mendorong penubuhan persatuan negeri lain
- 10 Masyarakat Cina Peranakan di Negeri-negeri Selat menubuhkan Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA). Nyatakan tuntutan SCBA daripada British
ms:
41
- A Peluang mendapatkan pendidikan di Britain
 - B Peluang dalam perniagaan dan perdagangan
 - C Peluang menjalinkan hubungan dengan China
 - D Peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan